

## **PENAMBAHBAIKAN RANCANGAN AL-ARABIYYAH FI AL-RADIO MELALUI PENGGUNAAN LIVE VIDEO DALAM FACEBOOK®**

**Mohd Shahrizal Nasir<sup>1</sup>**

**Muhammad Sabri Sahrir<sup>2</sup>**

**Mohd Firdaus Yahaya<sup>1</sup>**

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)<sup>1</sup>

Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)<sup>2</sup>

### **Abstrak**

Pemanfaatan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab merupakan satu keperluan sejajar dengan kemajuan masa kini. Rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* merupakan satu medium pembelajaran bahasa Arab melalui radio untuk orang awam. Makalah ini membincangkan proses penambahbaikan yang telah dilakukan dalam rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dengan pemanfaatan media sosial Facebook®. Realitinya, perkembangan Facebook® telah mewujudkan fenomena yang tersendiri di seluruh pelosok dunia. Berdasarkan dapatan kajian lepas, beberapa respons pendengar telah diambil kira untuk tujuan penambahbaikan rancangan. Makalah ini menyenaraikan beberapa penambahbaikan yang dilakukan khususnya menerusi kemudahan *Live Video* dalam Facebook®. Kesimpulannya, penambahbaikan rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dapat dilakukan mengikut saranan pendengar dengan memanfaatkan kemudahan yang disediakan dalam Facebook®. Oleh itu, diharapkan rancangan ini dapat terus memberi manfaat kepada para pendengar setelah usaha penambahbaikan dilakukan selaras dengan respons pendengar.

**Kata kunci:** Pembelajaran bahasa Arab, pembelajaran menerusi radio, *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*, media sosial, Facebook®

## **THE IMPROVEMENT OF AL-ARABIYYAH FI AL-RADIO PROGRAMME THROUGH THE USE OF LIVE VIDEO IN FACEBOOK®**

### **Abstract**

*The use of technology in the teaching and learning process of Arabic language is a necessity in line with today's development. Al-Arabiyyah Fi Al-Radio is a medium of Arabic language learning through radio for public. This article discusses the process of improvement that has been conducted in Al-Arabiyyah Fi Al-Radio with the use of social media which is Facebook®. In reality, the growth of Facebook® users creates phenomena in the world of social media. Based on the findings of the previous study, some audience responses have been considered for the purpose of improving the programme. This article presents some improvements made especially through the Live Video in Facebook®. In conclusion, the enhancement of Al-Arabiyyah Fi Al-Radio can be done according to listeners' suggestions by utilizing the facilities provided in Facebook®. Therefore, it is hoped that this programme will continue to benefit the listeners after the improvement effort is made in line with their response.*

**Keywords:** Arabic language learning, learning through radio, *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*, social media, Facebook®

## PENDAHULUAN

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memerlukan satu anjakan yang positif sesuai dengan dunia teknologi semasa. Banyak kajian telah membuktikan bahawa pemanfaatan bahan teknologi dan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat memberi impak positif dalam usaha mencapai objektif PdP. Mohd Azidan Abdul Jabar (2012) menyatakan bahawa kepantasan perkembangan teknologi komunikasi dan multimedia pada alaf baharu ini telah memberikan kesan kepada bidang pendidikan termasuk proses PdP bahasa asing yang turut melibatkan bidang bahasa Arab. Hal ini dikuatkan dengan realiti bahawa bahan bantu mengajar (BBM) yang berasaskan teknologi dapat mempengaruhi persepsi positif pelajar terhadap sesuatu pelajaran (Stepp-Greany, 2002). Menurut Asni (2000), penggunaan bahan multimedia seperti audio, animasi, grafik dan simulasi perlu dimanfaatkan dalam proses PdP untuk tujuan meningkatkan minat pelajar. Bukan sahaja minat malah ia mampu meningkatkan kefahaman pelajar (Ko & Rossen, 2008) dan meningkatkan hasil pembelajaran pelajar (Ghazali et al., 2012). Semua ini dapat diperoleh dengan mudah melalui pemanfaatan media teknologi moden terkini.

Menyedari hakikat kepentingan pemanfaatan bahan berasaskan teknologi dalam proses PdP, para guru termasuk yang terlibat dalam bidang bahasa Arab perlu mengambil langkah relevan dan proaktif dengan memanfaatkan bahan-bahan pengajaran yang berasaskan teknologi. Sepertimana yang dinyatakan oleh Simplicio (2000), kaedah pengajaran yang bersifat tradisional tidak lagi memberi kesan yang terbaik dalam kelas pembelajaran era abad ke-21 ini. Kegagalan para guru untuk melakukan perubahan melalui kaedah dan teknik berasaskan teknologi merupakan cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani dengan kadar segera (Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010). Jika tidak, bidang PdP bahasa Arab akan berada jauh di belakang serta mungkin tidak mendapat tempat dalam diri para pelajar. Justeru, berdasarkan perkembangan positif teknologi dan manfaatnya dalam P&P pendidikan (Sternberg & Lubart, 1996), maka ia dilihat amat wajar untuk dimanfaatkan dalam PdP bahasa Arab khususnya yang melibatkan pelajar bukan penutur jati (Mohd Firdaus, Muhammad Sabri & Mohd Shahrizal, 2013).

Pemanfaatan bahan-bahan PdP berasaskan teknologi tidak dapat dipisahkan dengan medium pembelajaran yang juga berasaskan teknologi semasa seperti media sosial. Menurut Kaplan & Haenlein (2010), media sosial dapat ditakrifkan sebagai sekumpulan aplikasi yang dibina berasaskan ideologi dan teknologi Web 2.0. Kini ramai orang dilihat seolah-olah terikat dengan media sosial yang menyediakan pelbagai bentuk perisian sama ada untuk tujuan hiburan, bisnes, jaringan sosial dan sebagainya. Pendidikan juga tidak ketinggalan dalam pemanfaatan kemudahan media sosial dengan muncul pihak-pihak yang menjadikan media sosial sebagai medium untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.

Perbincangan mengenai PdP bahasa Arab kepada penutur bukan jati tidak terhad dalam ruang lingkup kelas pembelajaran di sekolah sahaja. Ia juga tidak hanya melibatkan proses PdP bahasa Arab di institusi-institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Sebaliknya PdP bahasa Arab turut melibatkan orang awam menerusi pelbagai metode pembelajaran termasuk melalui radio. Inilah yang telah diusahakan oleh pihak Radio Malaysia Terengganu FM melalui penyiaran slot belajar bahasa Arab *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* bermula sejak tahun 2013. Usaha penambahbaikan rancangan ini telah dilakukan sejajar dengan ledakan teknologi semasa melibatkan media sosial. Makalah ini akan membincangkan pemanfaatan media sosial sebagai satu usaha penambahbaikan rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*.

## RANCANGAN AL-ARABIYYAH FI AL-RADIO

Sebelum makalah membincangkan aspek penambahbaikan rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dengan pemanfaatan media sosial Facebook®, bahagian ini akan memberi maklumat berkaitan latar belakang rancangan. Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri dan Mohd Firdaus (2015a) juga telah membuat perincian mengenai latar belakang rancangan ini. *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* adalah rancangan belajar bahasa Arab yang disiarkan oleh Radio Malaysia Terengganu FM bermula pada 4 Januari 2013. Ia bersiaran secara langsung pada setiap hari Jumaat mulai pukul 9.15 pagi sehingga 10.00 pagi yang boleh dicapai melalui frekuensi bagi Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu

dan Setiu (88.7 MHz), Hulu Besut (88.9 MHz), Cerul dan Kuantan/Pahang Timur (90.0 MHz), Kemaman (90.7 MHz), Besut, Kota Bharu dan Kelantan Timur (96.2 MHz), serta Dungun (97.7 MHz) (Laman Web Radio Malaysia Terengganu FM, 2019). Rancangan yang mengambil masa selama 45 minit ini dikendalikan oleh pengacara radio Terengganu FM dan Mohd Shahrizal Nasir, iaitu seorang pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pendidikan Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri Terengganu pada ketika itu, YB. Dato' Hj. Ahmad Razif Abd. Rahman yang juga merupakan mantan Menteri Besar Terengganu Darul Iman. Perasmian rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* telah berlangsung di Ruang Legar Kompleks Radio Malaysia Terengganu, Bukit Pak Apil pada 29 Januari 2013. Menurut laporan akhbar Utusan Malaysia Online (2013), YB. Dato' Hj. Ahmad Razif memuji langkah Radio Malaysia Terengganu FM dalam menyiar program pembelajaran kerana ia mampu meningkatkan kemampuan pendengar untuk berbahasa Arab.

Dalam laporan berita tersebut, Pengarah Penyiaran Kawasan Timur, Pn. Azizah Mohd. Yusof menjelaskan bahawa program *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dijalankan dalam bentuk santai iaitu komunikasi antara pengacara radio dengan pengajar bahasa Arab dan juga para pendengar radio. Selain itu, pendengar juga boleh berkomunikasi dengan pengajar rancangan sama ada secara langsung (*on air*) atau melalui Facebook® rasmi Radio Malaysia Terengganu FM. Sebenarnya rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* bukan sahaja boleh diikuti oleh para pendengar dalam negeri Terengganu melalui frekuensi yang ditetapkan, malah ia boleh diikuti oleh orang ramai di luar negeri Terengganu secara dalam talian (*online*) menerusi pautan laman web rasmi Radio Malaysia Terengganu FM (<http://terengganufm.rtm.gov.my>).

Mengenai pengendali radio atau deejay (DJ) rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*, pada awal penerbitannya, ia dikendali oleh DJ Azra Farahana M. Bukhari dan DJ Norhanieza Mat Yeh. Namun, beberapa perubahan telah berlaku iaitu DJ yang bertugas untuk mengendali rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* terdiri dalam kalangan beberapa orang DJ Terengganu FM secara bergilir-gilir. Hal ini dilihat sebagai satu usaha positif dan amat baik oleh pihak pengurusan Radio Malaysia Terengganu FM untuk memberi peluang kepada para DJ untuk sama-sama mempelajari bahasa Arab. Hal yang sama melibatkan rancangan *Hayya Bil Arabiah* terbitan radio IKIM FM dengan melibatkan pengendali radio yang tidak mempunyai asas bahasa Arab namun dapat terlibat menjayakan rancangan dengan baik (Berita Harian Online, 2016).

Berkenaan dengan kandungan pembelajaran *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*, perkongsian melibatkan beberapa perkara dalam pembelajaran bahasa Arab seperti tatabahasa Arab, komunikasi bahasa Arab iaitu, ungkapan-ungkapan bahasa Arab dalam perbualan harian, serta perbincangan ayat-ayat al-Quran dan hadis dari sudut bahasa. Setiap perkongsian dipersembahkan secara santai yang melibatkan komunikasi antara pengajar, pengacara radio dan para pendengar. Bagi pembelajaran melibatkan tatabahasa Arab, ia tidak menyentuh tentang bab yang kompleks atau melibatkan perbezaan pandangan-pandangan ahli bahasa Arab, sebaliknya ia hanya berkenaan tajuk-tajuk asas seperti kata nama, kata kerja dan partikel. Pembelajaran tajuk-tajuk ini juga dijalankan dalam bentuk perkongsian ayat-ayat mudah dan bukan secara teori semata-mata.

Meskipun pembelajaran bahasa Arab menerusi *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* memberi fokus kepada aspek komunikasi, namun tatabahasa Arab atau *al-Nahw al-'Arabi* tidak boleh dipinggirkan secara total. Menurut Muhammad 'Ali al-Khuli (1986), fungsi utama tatabahasa Arab ialah untuk memberi kefahaman yang tepat tentang makna sesuatu ayat yang dibentuk sama ada melalui penulisan maupun pertuturan. Walid Ahmad Jabir (2002) pula menyatakan bahawa tatabahasa Arab bertujuan membantu pelajar memperkemas dan memperkuuhkan bahasa yang meliputi aktiviti mendengar, bertutur, membaca maupun menulis. Hal ini kerana tatabahasa Arab merupakan tunjang bahasa yang perlu dipelajari, difahami, dipraktikkan dan dikuasai oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab.

Selain itu, talian telefon radio juga dibuka sepanjang rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* berlangsung bagi membolehkan para pendengar berinteraksi dengan pengajar bahasa Arab. Dalam beberapa keadaan, pembelajaran bahasa Arab diadakan dalam bentuk penganjuran 'kuiz' yang memberi peluang kepada pendengar untuk menjawab soalan-soalan yang disediakan berkenaan tajuk-tajuk yang telah dipelajari, selain mendapat hadiah sugu hati bagi yang berjaya menjawab soalan kuiz

dengan betul. Keadaan ini dilihat dapat meningkatkan motivasi para pendengar untuk terus mengikuti rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*.

Pembelajaran bahasa Arab perlu dilaksanakan dengan menggunakan strategi, teknik dan pendekatan yang pelbagai. Perkara ini selari dengan pandangan Zawawi Ismail et al. (2011) yang menyatakan bahawa penggunaan strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa yang hanya berfokus kepada beberapa teknik sahaja akan mengganggu keberkesanan pembelajaran kerana setiap teknik yang digunakan mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Pandangan ini turut disokong oleh Rosni (2012) yang menyatakan bahawa pelbagai aktiviti bahasa perlu dilakukan bagi membantu pelajar untuk menguasai bahasa.

### **KAJIAN TENTANG AL-ARABIYYAH FI AL-RADIO**

Satu kajian telah dijalankan bagi mendapatkan maklum balas pendengar rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*. Perbincangan berkenaan dapatan kajian telah dimuatkan dalam makalah bertajuk “Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*: Analisis Awal Pendengar” yang dterbitkan dalam Jurnal Sains Humanika (Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri & Mohd Firdaus, 2015a).

Kajian yang dijalankan tersebut merupakan satu kajian kuantitatif yang melibatkan borang soal selidik. Soal selidik ini dijalankan secara dalam talian (*online*). Penghebahan soal selidik kepada responden dijalankan menggunakan laman media sosial Facebook®. Akaun Facebook® rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dan akaun Facebook® stesen Radio Malaysia Terengganu FM merupakan sumber utama untuk mendapatkan responden dalam kalangan para pendengar rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*. Pembukaan borang kajian soal selidik secara dalam talian ini mengambil masa selama tujuh hari dengan kajian ini melibatkan seramai 105 orang responden.

Data yang dikumpul daripada responden melibatkan dua perkara iaitu pertama berkenaan persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab. Manakala perkara kedua melibatkan respons pendengar terhadap rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*. Selain itu, terdapat juga beberapa komentar serta cadangan penambahbaikan rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* daripada responden yang terlibat dalam kajian yang dijalankan. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dan diambil tindakan sewajarnya dalam usaha penambahbaikan rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*.

Jadual 1: Respons Pendengar Terhadap Rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
8. Perkongsian kandungan pelajaran dalam Facebook® <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> amat membantu saya untuk menguasai bahasa Arab.	1 (1%)	4 (4%)	26 (25%)	44 (42%)	29 (28%)
9. Saya berpendapat, belajar bahasa Arab melalui radio dapat mengukuhkan kemahiran bahasa Arab saya.	1 (1%)	5 (5%)	23 (22%)	47 (45%)	29 (28%)

Jadual 1 di atas memaparkan dua item daripada keseluruhan 12 item yang menunjukkan respons pendengar terhadap rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* (Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri & Mohd Firdaus, 2015a). Responden berpendapat bahawa perkongsian nota dan bahan pembelajaran menerusi laman media sosial Facebook® *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* membantu mereka dalam usaha menguasai bahasa Arab. Seramai 44 orang responden atau 42% telah memilih “setuju” dan 29 orang responden atau 28% memilih “sangat setuju”. Hal ini sejajar dengan penggunaan laman media sosial Facebook® yang menjadi pilihan ramai pelayar internet. Menurut Ellison Steinfield dan Lampe (2007) serta Sharifah Sofia et al. (2011), laman media sosial Facebook® merupakan medium popular yang digunakan secara meluas dalam dunia maya. Selain itu, item kedua dalam Jadual 1 menunjukkan responden berpendapat bahawa rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dapat mengukuhkan kemahiran bahasa Arab dengan jumlah responden seramai 47 orang atau 45% memilih “setuju” dan 29 orang

responden atau 28% memilih “sangat setuju”. Inilah antara dapatan yang mewajarkan usaha penambahbaikan rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dilakukan kerana ia merupakan pandangan langsung daripada pelajar yang mengikuti rancangan tersebut.

Selain itu, kajian Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri dan Mohd Firdaus (2015a) turut mendapat maklum balas responden berdasarkan komentar dan cadangan yang diberikan sepetimana pada Jadual 2 berikut:


**Jadual 2: Komentar dan Cadangan Responden**

Komentar/Cadangan Penambahbaikan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kandungan dalam rancangan ini perlu dibukukan.</li> <li>• Perlu diluaskan ke stesen radio lain.</li> <li>• Masa ke udara perlu lebih daripada 45 minit.</li> <li>• Meluaskan frekuensi ke kawasan-kawasan yang lain.</li> <li>• Perlu ada siaran ulangan sebanyak dua kali seminggu.</li> <li>• Menggalakkan pendengar untuk berkomunikasi semasa siaran rancangan.</li> </ul>

Daripada komentar dan cadangan yang diutarakan oleh responden, input berkenaan galakan kepada pendengar untuk berkomunikasi semasa siaran rancangan berlangsung antara perkara yang diberi perhatian dalam usaha penambahbaikan rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*. Beberapa usaha penambahbaikan inilah yang akan dihuraikan dalam makalah ini dengan memanfaatkan medium media sosial Facebook® khususnya melibatkan kemudahan *Live Video*.

### **PENAMBAHBAIKAN AL-ARABIYYAH FI AL-RADIO**

Guru dan pelajar merupakan antara elemen penting yang dapat menjadikan proses PdP berjalan dengan lancar. Secara konvensional, pengajaran dianggap sebagai satu proses yang mudah dengan merujuk kepada penyampaian ilmu pengetahuan oleh guru kepada pelajarnya. Keadaan ini dilihat sebagai satu bentuk PdP yang hanya berfokus kepada peranan guru secara sehala dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Situasi seperti ini perlu diubah daripada PdP secara sehala kepada proses yang lebih komprehensif melibatkan peranan pelajar secara aktif. Sebagai contoh, Model Pengajaran Sim menyatakan bahawa terdapat lima komponen penting dalam proses PdP iaitu objektif pengajaran, pelajar, isi pelajaran, guru dan persekitaran (Esah, 2004). Semua komponen tersebut boleh berinteraksi antara satu sama lain bagi menjayakan proses PdP. Dengan kata lain, pelajar mempunyai peranan yang penting dalam proses PdP, bukan sahaja sebagai pihak yang menerima input pelajaran tetapi lebih daripada itu memainkan peranan penting dalam memastikan objektif PdP berjaya dicapai.



Rajah 1: Model Pengajaran Sim

Berdasarkan Rajah 1 di atas, Model Pengajaran Sim menunjukkan bahawa pelajar berperanan dalam menjayakan proses PdP. Model Pengajaran Sim menekankan perhubungan yang baik antara guru dengan pelajar supaya dapat menimbulkan interaksi yang sihat dan suasana PdP yang berkesan. Sebagai contoh, pelajar digalakkan memberi respons kepada guru terhadap input yang disampaikan semasa proses PdP berlangsung. Selain itu, pelajar juga boleh memberi respons terhadap cara pengajaran disampaikan agar guru dapat melakukan penambahbaikan terhadap proses penyampaian ilmu. Inilah antara perkara yang menjadi asas kepada usaha mendapatkan maklum balas daripada pendengar rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*.

Rentetan daripada dapatan kajian yang dijalankan berkenaan analisis awal pendengar rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* khususnya melibatkan media sosial Facebook®, beberapa penambahbaikan telah dilakukan dengan pemanfaatan *Live Video*. Kemudahan *Live Video* dalam media sosial Facebook® telah dimanfaatkan sebaiknya agar penampilan dan pengisian rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dapat diperbaiki. Penambahbaikan rancangan dengan pemanfaatan media sosial Facebook® dapat dilihat daripada beberapa sudut berikut:

- Promosi Rancangan



Rajah 2: Paparan Poster Rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*

Carrera dan rakan-rakan (2008) menyatakan bahawa Facebook® membolehkan pengguna menggunakan papan mesej (*message board*) dan dinding perbincangan (*discussion wall*) untuk membuat pengumuman dan pertanyaan soalan (Waters et al., 2009). Justeru, promosi rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dapat diperhebatkan dengan sebaran poster rancangan yang dimuat naik dalam laman media sosial Facebook® pengajar rancangan, stesen Radio Malaysia Terengganu FM dan para pengguna Facebook® yang lain. Cara ini secara langsung dapat memperkenalkan rancangan kepada para pendengar bukan sahaja yang berada di negeri Terengganu, malah pendengar di serata dunia dengan mengikuti rancangan menerusi *Live Video*. Poster akan dimuat naik pada setiap hari Jumaat sebelum berlangsungnya rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*.

- Kemudahan Akses



Rajah 3: Paparan Jumlah Views Rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio

Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, kemudahan *Live Video* membuka ruang yang luas untuk rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dapat diakses oleh orang ramai bukan sahaja di negeri Terengganu malah di serata dunia. Ini dapat dilihat berdasarkan rekod bilangan penonton yang dinyatakan oleh Facebook® pada paparan *Live Video* yang ditunjukkan pada Rajah 3 (Facebook® Radio Malaysia Terengganu FM, 2019a). Rancangan ini juga boleh dikongsi (*share*) kepada pengguna Facebook® lain tanpa had. Tambahan pula Facebook® dikenali sebagai salah satu jaringan sosial yang mempunyai ramai pengguna berdaftar. Menurut Cardon (2009), terdapat sembilan laman jaringan sosial yang mempunyai lebih daripada 50 juta ahli berdaftar dan sejak November 2008, dengan hampir 50 laman jaringan sosial mempunyai lebih daripada satu juta pengguna berdaftar termasuk Facebook®. Selain itu, kemudahan *Live Video* ini juga membolehkan orang ramai mengikuti rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* pada luar waktu siaran langsung kerana ia direkod secara kekal selagi tidak dipadam oleh penyelenggara *Live Video* bagi Facebook® Radio Malaysia Terengganu FM.

- Perkongsian Bahan Pengajaran

Mohd Shahrizal Nasir

(1) حَتَّمَا سَأْخِرُهُ بِهَذَا الْأَفْرَغُداً.  
Pasti saya akan memberitahunya berkenaan perkara ini, esok.

(2) حَتَّمَا سَأْخِرُهُ بِهَذَا الْأَفْرَجَ غَدًا.  
Pasti saya akan memberitahunya berkenaan cadangan ini, esok.

(3) حَتَّمَا سَأْخِرُهُ بِهَذَا الْشَّاطِطَ غَدًا.  
Pasti saya akan memberitahunya berkenaan aktiviti ini, esok.

A screenshot of a Facebook post by Mohd Shahrizal Nasir. The post contains three numbered examples of Arabic grammar, each with a corresponding English translation. The first example is about time reference, the second about a proposal or suggestion, and the third about an activity.

Rajah 4: Paparan Contoh Bahan Pengajaran Bahasa Arab

Oleh kerana rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* berlangsung menerusi siaran radio, pendengar yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab tidak berpeluang untuk melihat bahan pembelajaran. Mereka hanya dapat mendengar sahaja setiap isi kandungan pembelajaran. Pendedahan tentang bahan pembelajaran sangat penting kerana ia mempengaruhi diri pelajar yang mengikuti sesi PdP. Ramai sarjana yang mengaitkan faktor penggunaan bahan pembelajaran dengan tahap motivasi dan pencapaian pelajar (Cajkler & Adelman, 2000; Dornyei, 2001). Justeru, dengan memanfaatkan ruangan *Live Video* yang terdapat dalam Facebook®, bahan-bahan pembelajaran dapat dikongsikan kepada para pendengar. Rajah 4 di atas menunjukkan contoh bahan pengajaran yang dikongsikan kepada pendengar menerusi ruangan komen (Facebook® Radio Malaysia Terengganu FM, 2019b). Para pendengar dapat melihat dan membaca bahan tersebut, malah dapat menyalinnya dalam buku nota sendiri.

- Interaksi Respons antara Pendengar dengan Pengajar



Rajah 5: Paparan Interaksi Respons daripada Pendengar

Respons atau maklum balas daripada pelajar amat penting dalam usaha untuk mencapai objektif PdP yang dijalankan. Sikap pasif pelajar yang tidak memberi maklum balas dalam kelas pembelajaran tidak membantu pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan. Sikap pasif ini dapat dilihat apabila pelajar hanya mendengar pengajaran guru dalam kelas. Mereka tidak banyak menegemukakan soalan, tidak berinteraksi dengan guru dan dengan sesama pelajar, tidak membuat persediaan untuk belajar dan tidak banyak bercakap dalam kelas (Rosni, 2012). Keadaan inilah yang sering dikaitkan dengan proses PdP secara konvensional yang menampakkan jurang interaksi yang ketara antara guru dengan pelajar (Robiah & Nor Sakinah, 2007). Oleh itu, pemanfaatan ruangan *Live Video* dalam Facebook® membuka ruang yang luas untuk pelajar berinteraksi dengan guru. Pelajar boleh memberi respons tentang kandungan pelajaran dan ia dapat diulas oleh guru secara spesifik sepertimana yang ditunjukkan pada Rajah 5 (Facebook® Radio Malaysia Terengganu FM, 2019a). Inilah antara penambahbaikan yang dapat diketengahkan bagi memastikan terdapat hubungan yang positif antara guru dengan pelajar. Interaksi ini sekaligus dapat menjadikan proses PdP berjalan dengan baik untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

Berdasarkan analisis terhadap komen-komen yang diberikan oleh pendengar rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* menerusi *Live Video* dalam Facebook®, ramai memberi maklum balas yang positif. Antara komen tersebut ialah seperti; "Ustaz...bestnya bahasa arab" (Pemilik akaun FB: Tokey Maju Agro Ternak - 26 Julai 2019), "Terima kasih ustaz" (Pemilik akaun FB: Epul Pt - 28 Jun 2019), "Bagus" (Pemilik akaun FB: Aw Ang - 28 Jun 2019), "Program yang bagus...terima kasih terengganu

fm..." (Pemilik akaun FB: Wan Zamzahizal - 21 Jun 2019), "Tak puas dengor bahasa arab ni" (Pemilik akaun FB: Anisah Aziz - 3 Mei 2019), "Ana farhan jiddan jiddan..." (Pemilik akaun FB: Hussien Abd Wahab - 3 Mei 2019), "Sangat manfaat Ust..." (Pemilik akaun FB: Muhammad Al Amin Muhamad - 3 Mei 2019), "Terbaek ustaz" (Pemilik akaun FB: Mluqman Razali - 12 April 2019), "Jom dgr" (Pemilik akaun FB: Eddyberamboi Eddy - 12 April 2019) dan banyak lagi (Facebook® Radio Malaysia Terengganu FM). Semua maklum balas ini membuktikan para pendengar merasai keseronokan semasa mempelajari bahasa Arab menerusi rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* dengan menggunakan *Live Video* dalam Facebook®.

Menurut Knasel, Meed dan Rossetti (2000), keseronokan (*enjoyment*) adalah perkara yang dapat memotivasi diri bagi orang awam yang mengikuti sesi pembelajaran kerana mereka belajar secara sukarela. Tambahan pula realiti menunjukkan bahawa pembelajaran berdasarkan teknologi melibatkan komputer dan kemudahan lain berkaitannya dapat mempengaruhi persepsi positif pelajar terhadap sesuatu pelajaran (Stepp-Greany, 2002). Dalam konteks rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* ini, penggunaan *Live Video* dalam Facebook® memberi satu nilai tambah dalam usaha menyampaikan pelajaran berkaitan bahasa Arab kepada orang awam. Semua usaha yang dilakukan ini tidak lain adalah untuk menyumbang ke arah pemerkasaan bahasa Arab di Malaysia khususnya melibatkan umat Islam yang sememangnya menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan beragama. Hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh pengkaji bahawa kebiasaan orang awam mempelajari bahasa Arab untuk memahami kandungan al-Quran dan hadis Rasulullah (Ahmad Kilani, 2001), serta meningkatkan mutu amal ibadah (Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri & Mohd Firdaus, 2015b; Kamarul Shukri, Norasyikin & Siti Salwa, 2012).

## **PENUTUP**

Kajian yang dijalankan untuk mendapatkan pandangan awal pendengar *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* telah memberi input yang positif dan berguna dalam usaha penambahbaikan rancangan. Tidak dapat dinafikan bahawa respons daripada pendengar rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* bukan sahaja bertujuan untuk menambah baik kandungan dan pendekatan PdP, malah ia menjadi antara faktor bagi meningkatkan minat dan motivasi pendengar untuk terus mempelajari bahasa Arab menerusi rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*. Kemudahan yang disediakan dalam laman media sosial perlu dimanfaatkan sebaiknya agar proses PdP dapat dilakukan selari dengan kepesatan dunia teknologi semasa khususnya melibatkan dunia penyiaran. Hal ini termasuklah pemanfaatan medium Facebook® menerusi kemudahan *Live Video* yang dapat memberi satu penambahbaikan kepada rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio* khususnya dalam membina hubungan interaksi antara pengajar dan pelajar atau pendengar.

## Bibliografi

- Ahmad Kilani Mohamed. 2001. *Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Asni Maik. 2000. *Pembelajaran elektronik (e-learning) satu pertukaran paradigma: internet dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kertas kerja dibentang pada Persidangan Kebangsaan Mengenai Pendidikan ICT 2000, Kuala Terengganu.
- Berita Harian Online. *Azlan selesa ajar bahasa Arab di radio*. 2016. <https://www.bharian.com.my/node/194533> (diakses pada 11 Julai 2019).
- Cajkler, W., & Addelman, R. 2000. *The practice of foreign language teaching*. London: David Fulton Publishers.
- Cardon, P.W. 2009. Online social networks. *Business Communication Quarterly*, 72, 96-97.
- Carrera, C.Y., Chiu, P., Pratipwattanawong, S., Chienwattanasuk, S.F.S. Ahmad & Murphy, J. 2008. *My Space, My Friends, My Customers*. In P. O'connor, W. Hopken & U. Gretzel (eds.). *Information and communication technologies in tourism 2008*, Springer Verlag Wien, Vienna, 94-105.
- Dornyei, Z. 2001. *Motivational strategies in the language classroom*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Ellison, N.B., Steinfield, C. & Lampe, C. 2007. The benefits of Facebook “friends”: social capital and college students’ use of online social network sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 12(4), 1143-1168.
- Esah Sulaiman. 2004. *Pengenalan pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Facebook® Radio Malaysia Terengganu FM. 2019a. <https://www.facebook.com/terengganufm/videos/653916305075169/> bertarikh 21 Jun 2019 (diakses pada 10 Julai 2019).
- Facebook® Radio Malaysia Terengganu FM. 2019b. <https://www.facebook.com/terengganufm/videos/452019548681313/> bertarikh 5 Julai 2019 (diakses pada 10 Julai 2019).
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Muhammad Arsyad Abdul Majid & Wan Haslina Wah. 2012. Penggunaan bahan pembelajaran dalam kursus bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(1), 215-233.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Norasyikin Osman & Siti Salwa Mohd Noor. 2012. Eksplorasi penggunaan strategi metafizik ke arah penjajaran tipologi SPB. Dlm. Kamarul Shukri Mat Teh, Zulazhan Ab. Halim, Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohammad Rouyan (Pnyt.), *Dinamika pendidikan bahasa Arab: menelusuri inovasi profesionalisme keguruan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Kaplan, A.M. & Haenlein, M. 2010. Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizons*, 53(1), 59-68.
- Knasel, E., Meed, J. & Rossetti, A. 2000. *Learn for your life: a blueprint for career-long learning*. London: Financial Times Prentice Hall.
- Ko, S. & Rossen, S. 2008. *Teaching online: a practical guide*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Laman Web Radio Malaysia Terengganu FM. 2019. <http://terengganufm.rtm.gov.my/> (diakses pada 12 Julai 2019).
- Mohd Azidan Abdul Jabar. 2012. *Kesalahan penggunaan bahasa Arab pada pembungkus produk halal di Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Shahrizal Nasir. 2013. Pembangunan laman web EZ-Arabic sebagai alternatif pembelajaran maya bahasa Arab bagi pelajar sekolah rendah Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 61(1), 11-18.
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Firdaus Yahaya. 2015a. Pembelajaran bahasa Arab menerusi rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio: analisis awal pendengar. *Sains Humanika*, 4(1), 83-90.
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Firdaus Yahaya. 2015b. Tinjauan persepsi pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah sebagai satu keperluan bagi masyarakat Muslim awam di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 51-72.

- Muhammad 'Ali Khuli. 1986. *Asalib tadrис al-lughah al'Arabiyyah*. Riyad: Farazdaq.
- Robiah Sidin & Nor Sakinah Mohamad. 2007. ICT dalam pendidikan: prospek dan cabaran dalam pembaharuan pedagogi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 32, 139-152.
- Rosni Samah. 2012. *Isu pembelajaran bahasa Arab*. Dlm. Mohd. Shukari Hamzah, Khazri Osman, Moktar Hussain et al. (pnyt). Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 286-300.
- Sharifah Sofiah, S.Z., Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Mohd. Nizam. 2011. Facebook addiction among female university students. *Revista de Administratie Publica Si Politici Sociale*, 2(7), 95-109.
- Simplicio, J.S.C. 2000. Teaching classroom educators how to be more effective and creative. *Education*, 120(4), 675- 680.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-63.
- Stepp-Greany, J. 2002. Student perceptions on language learning in a technological environment: implications for the new millennium. *Language Learning and Technology*, 6(1), 165-180.
- Utusan Malaysia Online. *Belajar bahasa Arab, Inggeris di radio*. 2013. [http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20130208/wt\\_01/Belajar-bahasa-Arab-Inggeris-di-radio](http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20130208/wt_01/Belajar-bahasa-Arab-Inggeris-di-radio) (diakses pada 9 Ogos 2014).
- Walid Ahmad Jabir. 2002. *Tadris al-Lughah al-'Arabiyyah: mafahim nazariyyah wa tatbiqat 'amaliyyah*. 'Amman: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Waters, R.D., Burnett, E., Lamm, A., & Lucas, J. 2009. Engaging stakeholders through social networking: how non-profit organizations are using Facebook. *Public Relations Review*, 35(2), 102-106.
- Zawawi Ismail, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman. 2011. Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online<sup>TM</sup> Journal of Language Studies*, 11(2), 67-82.